



## PENGENALAN

Banjir merupakan suatu bencana alam yang biasa berlaku di Malaysia. Fenomena ini sering membawa banyak impak kepada penduduk serta negara kita.


Di Malaysia, dianggarkan seluas 32,460 km persegi atau 9 peratus daripada luas tanah negara merupakan kawasan berisiko banjir. Kawasan berisiko banjir atau kawasan mudah banjir (*flood prone areas*) adalah kawasan yang terletak di tepi sungai di mana kawasan tersebut akan ditenggelami air sungai apabila berlakunya banjir dengan kedalaman sebanyak dua kali ganda kedalaman maksimum.

Sila layari laman web berikut bagi mengetahui keadaan semasa tentang tahap banjir di kawasan anda.

<http://publicinfobanjir.water.gov.my>

<http://globalfloodmap.org/Malaysia>

Semua pihak terutamanya komuniti memainkan peranan penting dalam pengurusan banjir. Hal ini kerana komuniti setempat lebih arif dengan tempat kediaman sendiri berbanding yang lain. Persediaan awal perlu dirancang dengan teliti supaya kesan dan kerugian akibat banjir dapat dikurangkan. Oleh itu, kesedaran adalah komponen pertama yang perlu komuniti miliki sebelum melangkah ke arah persiapan.



KAWASAN BERISIKO BANJIR




PENGENALAN



## SEBELUM BANJIR

- Pastikan bahawa anda tahu tentang kejadian banjir yang lepas dan kesannya di tempat anda.
- Kenali istilah rasmi yang digunakan dalam amaran banjir supaya anda memahami maknanya.



- Aras Biasa
- Aras Waspada
- ARAS AMARAN: bersedia untuk buat perpindahan**
- ARAS BAHAYA: perpindahan perlu dilaksanakan**

Sumber: [www.publicinfobanjir.water.gov.my](http://www.publicinfobanjir.water.gov.my)

- Selenggara parit/longkang/saliran air di kawasan anda supaya tidak tersumbat.
- Dapatkan maklumat terkini cuaca dan situasi banjir melalui saluran media.
- Sediakan satu senarai nombor hubungan kecemasan seperti nombor telefon keluarga, kawan, polis, ambulan, hospital, Pusat Bantuan Bencana, Pusat Pemindahan untuk dirujuk sekiranya banjir berlaku.

- Sediakan Beg Kecemasan yang mengandungi keperluan yang penting dan berharga dan simpan di tempat yang selamat dan mudah dicapai. (*senarai semakan disertakan dengan risalah ini*)
- Pastikan kenderaan dan peralatan membaiki kenderaan anda berkeadaan baik sebagai persediaan berpindah.
- Membuat persediaan ataupun letakkan haiwan peliharaan anda di tempat selamat kerana biasanya haiwan tidak dibenarkan untuk dibawa ke pusat pemindahan atas sebab kebersihan dan kesihatan.
- Kenal pasti laluan perpindahan dan pusat pemindahan mangsa banjir yang berdekatan. Pastikan seluruh keluarga anda mengetahui perkara ini.

## TIPS PENTING

- Rancang Pelan Laluan Kecemasan anda.
- Buat latihan kecemasan bersama keluarga anda bagi mengelakkan situasi panik.
- Pastikan setiap ahli keluarga tahu akan frekuensi stesen radio tempatan bagi mendapatkan maklumat keadaan semasa.
- Pastikan anak-anak anda mengetahui cara menelefon agensi-agensi yang berkaitan dengan banjir.



SEBELUM BANJIR



## SEMASA BANJIR

### DI DALAM RUMAH

- Dengar pengumuman melalui radio, televisyen atau pihak-pihak yang bertanggungjawab.
- Sedia dengan peralatan kecemasan.
- Segera berpindah dan keluar jika diarahkan.

### SEMASA PEMINDAHAN

- Segera berpindah ke pusat-pusat pemindahan yang disediakan selepas menerima arahan.
- Pemindahan lebih mudah dan selamat sebelum banjir meningkat atau pada waktu siang.
- Ikut arahan, ikut laluan yang ditentukan, laluan singkat mungkin terhalang.

### DI LUAR RUMAH

- Kenal pasti laluan menuju ke tempat tinggi dan selamat.
- Jangan sentuh mana-mana kabel atau wayar yang jatuh.
- Awasi kanak-kanak, jangan biarkan mereka bermain-main di longkang, sungai atau lombong.
- Jangan minum air banjir.



### DI DALAM KENDERAAN

- Berpatah balik ke tempat yang selamat dan jangan terus mengharungi kawasan banjir.
- Kunci kenderaan serta tinggalkan kenderaan tersebut dan pergilah ke tempat yang selamat.



## TIPS PENTING

- Sentiasa peka terhadap keadaan sekeliling semasa pemindahan.
- Bergerak mengikut arahan pihak berkuasa.
- Pastikan semua anggota keluarga berpindah bersama anda.



SEMASA BANJIR

Dicetak semula daripada projek "Community Flood-Proofing and Adaptation for Climate Resilience" dengan kerjasama



A: 2nd Floor, Wisma Hing, 78, Jalan SS2/72, 47300 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

T: +60 3 7957 2007

F: +60 3 7957 7003

E: [outreach@gec.org.my](mailto:outreach@gec.org.my)

[WWW.GEC.ORG.MY](http://WWW.GEC.ORG.MY)





## SELEPAS BANJIR

### UMUM



- Tunggu arahan pihak yang berkuasa untuk pulang ke rumah.
- Jauhi kawasan banjir kerana ia mungkin tidak selamat.
- Jauhi kawasan tiang elektrik yang rosak dan jauhi bangunan yang dikelilingi air banjir.



### KETIKA MEMASUKI RUMAH



- Pakai kasut serta periksa kerosakan dinding, lantai, pintu dan tingkap.
- Awasi siling dan plaster dinding yang sedang rekah, lerai dan jatuh.
- Awasi haiwan-haiwan atau serangga berbisa dan berbahaya.

### PERIKSA ANCAMAN BAHAYA

- Periksa paip saluran gas yang mungkin pecah atau bocor.
- Periksa wayar serta peralatan elektrik yang tenggelam.
- Periksa bahan-bahan yang mudah terbakar.
- Periksa kerosakan tangki septik bagi mengelakkan bahaya kesihatan.

### TIPS PENTING

- Awasi binatang berbahaya.
- Jauhi kabel elektrik dan kawasan berlongkang.
- Lakukan pembersihan dan pembasmian kuman terhadap semua barang-barang.



Keselamatan diri dan keluarga adalah lebih penting berbanding harta benda. Bertindaklah dengan cara yang bijak.



## SELEPAS BANJIR



## SENARAI SEMAKAN: BEG KECEMASAN

Beg kecemasan ini penting sementara menunggu bantuan yang lain atau sebagai bekalan di pusat pemindahan sementara. Penyediaan beg kecemasan hanya akan mengambil masa yang singkat dan sangat mudah. Contoh senarai semakan keperluan bagi beg kecemasan seperti berikut:

KANDUNGAN	UNIT	STATUS
<b>GRAB BAG</b>		
<b>KIT DOKUMEN</b>		
Sijil kelahiran		
Kad pengenalan		
Pasport		
Geran rumah		
Geran tanah		
Geran kereta		
Rekod kesihatan		
Dokumen bank		
<b>KIT KECEMASAN &amp; BEKALAN UBAT</b>		
Panadol		
Plaster		
Pil Chi Kit Teck Aun		
Dressing pack		
Ubat peribadi		
Kain anduh segi tiga		
*Lain-lain ubatan mengikut keperluan		
<b>KIT KEBERSIHAN</b>		
Sabun mandi		
Ubat gigi		
Berus gigi		
Shampoo		
Pencuci tangan (Dettol)		
<b>KIT PERIBADI</b>		
Barangan kemas		
Wang tunai		
Tuala wanita		
*Lain-lain keperluan peribadi		
<b>LAIN-LAIN</b>		
Stok makanan dalam tin		
Stok air minuman		
Lampu suluh		
Selimut		
Pakaian persalinan		
Baju hujan		
Wisel		
Lilin dan mancis		
Kasut tahan lasak dan tahan air		
Sarung tangan getah		
Senarai nombor talian kecemasan		

KANDUNGAN	UNIT	STATUS
<b>KIT 72H</b>		
Bekas air mudah alih	1	
Pelbagai jenis nasi sedia dimasak	3	
Rendang ayam	Salah satu	
Masak merah ayam dengan lobak merah		
Kari ayam dengan ubi kentang		
Biskut	3	
Gula		
Teh / Kopi segera	3 set atau lebih	
Susu bayi		
Vitamin B Kompleks		
Tin buah-buahan	1	
Granola bar	3	
Buah kering / kismis	5	
100Plus	1	
Pisau utiliti	1	
Sudu & garpu	1 set	
Periuk kecil	1	
Cawan mudah alih	1	
Tali	1	
Lampu suluh dan bateri	1	

### TIPS PENTING

- Letakkan dokumen penting di dalam sarung kalis air.
- Periksa kualiti makanan dari masa ke masa dan gantikan makanan sudah hampir tarikh luput.
- Simpan beg kecemasan ini di tempat yang selamat dan mudah dicapai dan pastikan setiap ahli keluarga dimaklumkan tentang ini.



## SENARAI SEMAKAN: BEG KECEMASAN



## SENARAI SEMAKAN

### APA PERLU SAYA BUAT SEKARANG?

- Penyediaan 'Grab Bag'
- Kenal pasti cara terbaik untuk halang air banjir memasuki rumah
- Kenal pasti tempat penyimpanan beg pasir
- Pemeriksaan pelan pemindahan banjir serta "Town Watching" / peta laluan selamat
- Peka terhadap kod amaran banjir
- Kenal pasti orang yang boleh membantu / yang saya boleh bantu
- Kenal pasti apa yang anda akan ambil jika terpaksa meninggalkan rumah anda

TINDAKAN	CATATAN
Rumah	
Memastikan setiap anggota keluarga berada dalam keadaan selamat	
Maklumkan/ Hubungi jiran, polis, ahli keluarga dan saudara berdekatan	
Matikan elektrik, gas dan air	
Mengangkat barangan elektrik, laci dan perabot yang lain di atas meja	
Sekat tandas bagi elak pengaliran balik air sisa (jika boleh)	
Simpan air minuman	
Pindahkan haiwan ternakan	
Meletak beg pasir di sekeliling pintu, tingkap dan ruang pembukaan	
Pindahkan bahan kimia	
Periksa barang keperluan	
Pemeriksaan 'Grab Bag' dan tambah keperluan jika sempat	
Kebun dan di luar kawasan rumah	
Alihkan kereta ke satu tempat yang kurang risiko banjir	
Alihkan benda yang berat dan longgar ke tempat yang selamat	
Kawasan perniagaan/ pejabat	
Alihkan dokumen penting, komputer dan fail penting	
Memberikan isyarat kepada staf dan minta bantuan mereka	
Petani alihkan haiwan dan ternakan ke tempat selamat	
Lain-lain*	
Pastikan telefon bimbit berada dalam keadaan baik dan mempunyai bateri yang mencukupi (sediakan 'powerbank' sekiranya perlu)	

\*Tambah tindakan mengikut keperluan masing-masing



## NOMBOR TELEFON KECEMASAN

	JKM	JPAM	PBSM	Hospital	Bomba	Polis
Kelantan	+609-7482117	+609-7452000	+609-7435504	+609-7452000	+609-7444444	+609-7455622
Terengganu	+609-6222444	+609-8513333	+609-6314461	+609-8513333	+609-6224444	+609-6354722
Jo hor	+607-2232606	+607-2231666	+607-2371544	+607-2231666	+607-2243444	+607-2212999
Perak	+605-5225506	+605-2533333	+605-5466159	+605-2533333	+605-5474444	+605-2451222
Pahang	+609-4771349	+609-5165243	+609-5165243	+609-2955333	+609-5705999	+609-5902222
Kedah	+604-7323801	+604-7209980	+604-7323801	+604-7406233	+604-7344444	+604-7741222
Selangor	+603-55192876	+603-33246920	+603-89453001	+603-61454333	+603-7846444	+603-5514522
Melaka	+606-2319171	+606-2822344	+606-2324035	+606 - 2822344	+606-2513100	+606-2854222
Sabah	+608-8255133	+6088-242648	+6082-232940	+608-8245249	+608-8422873	+608-8450222
Sarawak	+608-2413055	+6082-240610	+6082-252940	+608-2611123	+608-8365994	+608-2245522
K.Lumpur	+603-83231000	+603-21649209	+603-26949625	+603-26155555	+603-2148444	+603-2146052
Negeri Sembilan	+606-7659555	+606-7672379	+606-7672379	+606-6626333	+606-6011900	+606-7682222
Pulau pinang	+604-2505259	+604-3337409	+604-3337409	+604-2225333	+604-5047222	+604-2221522
Perlis	+604-9702156	+604-9762510	+604-9762510	+604-9738000	+604-9778827	+604-9082222



## NOMBOR-NOMBOR TELEFON KECEMASAN



## Kesedaran dan Pendekatan Komuniti dalam Menghadapi Senario Banjir

Community Flood-Proofing and Adaptation for Climate Resilience



SEDAR SEBELUM SEDIA